

# Bahaya jika rakyat tolak budaya murni — Mahathir

UM 28 DEC 1996.

KUALA LUMPUR 27 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan betapa bahaya yang akan melanda negara jika rakyat tidak berpegang kepada budaya murni termasuk dalam menyelesaikan masalah.

Beliau berkata, budaya dan nilai murni mesti dipupuk sebagai teras kepada pembangunan negara kerana ia merupakan faktor penting dalam menjamin kejayaan akan datang.

Katanya, rakyat harus menerima hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara maju di kalangan negara-negara membangun dan ini semua dicapai atas banyak faktor termasuk nilai hidup dan budaya yang diamalkan.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian Malaysia bernasib baik kerana rakyat tidak bersikap keterlaluhan dalam tindakan mereka disebabkan kebanyakannya masih berpegang kepada budaya murni.

"Keadaan kucar kacir tidak timbul serta tiada pembunuhan berlaku, disebabkan segala masalah diselesaikan secara baik dan berunding," katanya semasa berucap di hadapan para pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan pada majlis pelancaran *Kempen Budi dan Jasa* di Angkasapuri di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata, banyak negara di serata pelosok dunia sering dilanda kekacauan, peperangan

saudara, berbunuh-bunuhan, pengeboman dan sebagainya hingga menghancurkan negara dan akhirnya tiada pembangunan dapat dilaksanakan.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan akan menghadapi kesukaran melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kemajuan sekiranya keadaan negara tidak aman dan tenteram.

Perdana Menteri menarik perhatian banyak peristiwa berlaku di seluruh dunia sepanjang tahun ini menimbulkan kacau-bilau berpunca daripada pelbagai persengketaan.

## Kemajuan

Katanya, negara-negara berkenaan mungkin diterajui mereka yang bijak dan cekap memimpin tetapi malangnya mereka tidak begitu faham betapa mustahaknya diwujudkan masyarakat aman damai bagi mendorong pembangunan serta kemajuan negara.

Sebaliknya negara-negara ini, kata beliau, kerap menyaksikan perebutan kuasa sehingga menyebabkan perang saudara dan pembunuhan.

"Ada pula yang bersikap ekstremis dan tidak senang hati sekiranya tidak dapat apa yang diinginkan. Mereka tidak sanggup berunding dalam keadaan aman tetapi bertindak dengan cara yang boleh membinasakan negara," ujarnya lagi.

Dalam ucapannya itu juga, Dr. Mahathir berkata, masyarakat negara ini bu-

kan sahaja harus memberikan penghargaan kepada golongan tertentu yang berjasa seperti pemimpin negara bahkan kepada kakitangan rendah, yang telah membuktikan sumbangan mereka kepada pembangunan negara.

Sementara itu, Perdana Menteri yang diiringi isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali mempunyai jadual yang sibuk dalam lawatan tersebut sebaik sahaja tiba di Angkasapuri pukul 9.30 pagi.

Beliau kemudian diberi penghormatan menaiki buat seketika belon udara panas, yang diberi nama *Balloon Malaysia* sambil menyaksikan pemandangan sekitar kompleks Angkasapuri.

Sempena lawatan itu juga, satu perhimpunan 'setia negara' diadakan yang disertai kakitangan agensi dan jabatan di bawah Kementerian Penerangan.

Perdana Menteri turut menyampaikan pingat setia kepada 12 kakitangan agensi dan jabatan berkenaan, merasmikan Pusat Berita Berkomputer RTM, menyaksikan konsert *Kece merlangan Malaysia* dan mendengar taklimat tertutup.

Beliau juga diwawancara secara langsung oleh *Asian Business News (ABN)*.